



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PERHUBUNGAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA:
UNDANG-UNDANG DAN AMALAN

KOD KURSUS : DSM3193

PEPERIKSAAN : JUN 2023

MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 17 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Manakah antara berikut merupakan maksud pekerja?
 - A Mana-mana orang yang diambil bekerja untuk kerajaan atau pihak berkanun.
 - B Kumpulan atau individu yang mempunyai hak untuk melindungi hak masing-masing.
 - C Pelatih yang diambil oleh majikan untuk bekerja sama ada untuk organisasi atau individu.
 - D Pelatih atau kumpulan pekerja yang mempunyai hubungan dengan majikan dalam ruang lingkup pekerjaan.

2.

- Semua kesatuan sekerja perlu didaftarkan.
- Kesatuan sekerja dibentuk dari industri yang sama
- Pegawai hendaklah berkhidmat selama tiga tahun dalam industri yang sama

Pernyataan 1

Apakah enakmen yang berkaitan dengan pernyataan 1?

- A Ordinan Kesatuan Sekerja 1959.
- B Enakmen Kesatuan Sekerja 1940.
- C Enakmen Pan-Malayan Kebangsaan.
- D Enakmen Undang-undang Kesatuan Sekerja Pertama.

3. Pindaan Akta Kerja 1955 telah mewajibkan majikan mengurangkan waktu kerja daripada 48 jam kepada 45 jam seminggu iaitu di bawah Seksyen 60AP dan 60C. Waktu bekerja seminggu dikurangkan untuk diselaraskan dengan Peraturan No. 116 iaitu Cadangan Pengurangan Waktu Kerja (Reduction of Hours of Work Recommendation, 1962) yang mengesyorkan negara-negara yang mengamalkan waktu bekerja 48 jam seminggu supaya mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan waktu bekerja tanpa melibatkan pengurangan gaji.

Sumber: resumecontoh.my/2023/01/waktu-kerja-45jam, 1 Jan 2023

Pernyataan 2

Berdasarkan pernyataan 2, apakah yang perlu dilakukan oleh pihak majikan selaras dengan perubahan pindaan Akta Kerja 1955?

- i. Majikan perlu membayar kerja lebih masa sekiranya pekerja bekerja melebihi 45 jam seminggu.
- ii. Majikan perlu memberi satu salinan pindaan kepada pekerja seperti mana dalam kontrak perkhidmatan.
- iii. Majikan digalakkan mengadakan rundingan dengan pekerja dalam mengurangkan waktu bekerja.
- iv. Majikan perlu memanjangkan waktu rehat dengan memendekkan hari bekerja dari enam hari kepada lima hari seminggu.

- A i dan ii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i dan iv

4. Manakah antara berikut merupakan sektor utama negara yang terlibat dalam Indeks Keharmonian Perusahaan (IHI)?
- Sektor perikanan.
 - Sektor pembuatan.
 - Sektor pembinaan.
 - Sektor perlombongan.
- A i dan ii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i dan iv

5.

Majikan mengakui bahawa pembantu rumah warga Indonesia tidak diberikan sebarang alat komunikasi untuk berhubung dengan orang luar, termasuklah keluarga pembantu rumah berkenaan.


Sumber: malaysiakini.com/new, 9 Mac 2023.

Petikan 1

Apakah yang perlu dilakukan oleh Kementerian Sumber Manusia untuk mengatasi masalah dalam petikan di atas?

- A Kementerian Sumber Manusia perlu cekap dalam menyelesaikan isu buruh paksa.
- B Kementerian Sumber Manusia perlu memperkukuhkan dasar-dasar keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk memastikan suasana kerja yang selamat.
- C Kementerian Sumber Manusia perlu melaksanakan dasar-dasar serta undang-undang buruh untuk lebih cekap, produktif serta memperkasakan etika kerja yang lebih baik.
- D Kementerian Sumber Manusia perlu menguatkuasakan pelaksanaan kemudahan keselamatan sosial untuk memastikan jaringan keselamatan dalam kalangan pekerja mencukupi.

6. Bagaimanakah kaedah pendamaian boleh membantu pihak majikan dan pekerja dalam menangani konflik industri?
- A Majikan dan pekerja terikat untuk melaksanakan pertemuan secara aman.
 - B Seorang pengadil yang dipercayai akan diminta untuk mengadili pihak yang bertikai.
 - C Pihak yang bertikai perlu ada sikap bertolak ansur ketika sesi pendamaian.
 - D Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia akan membantu menyelesaikan pertikaian antara majikan dan pekerja.
7. Gambar di bawah menunjukkan Encik Nabil yang bekerja sebagai seorang Jurutera Elektrikal.



Gambar 1

Apakah kemahiran kebolehterkerjaan yang perlu dimiliki oleh Encik Nabil selari dengan piagam Kementerian Sumber Manusia?

- i. Berpengetahuan tentang sistem berkaitan elektrik.
 - ii. Pengalaman terdahulu sebagai Jurutera Elektrikal.
 - iii. Pengalaman dalam industri pembuatan dan elektronik.
 - iv. Kelayakan dalam bidang perniagaan berkaitan elektrik.
- A i dan ii
 - B ii dan iii
 - C iii dan iv
 - D i dan iv

8.

Menggalakkan atau mengaturkan atau membiayai mogok atau tutup pintu dalam mana-mana tred atau industri atau peruntukan gaji atau faedah-faedah lain bagi ahli-ahlinya semasa suatu mogok atau tutup pintu.

Sumber: Akta Kesatuan Sekerja 1959.

Pernyataan 3

Apakah seksyen yang sesuai untuk pernyataan 3 di atas?

- A Seksyen 2, Akta Kesatuan Sekerja 1959.
- B Seksyen 2(1), Akta Kesatuan Sekerja 1959.
- C Seksyen 2(2), Akta Kesatuan Sekerja 1959.
- D Seksyen 2(a), Akta Kesatuan Sekerja 1959.

9. Dialog di bawah adalah berkaitan dengan menyertai kesatuan sekerja.

Pekerja I : Saya dah penatlah. Saya ni, sudah bekerja 20 tahun masih lagi tiada kenaikan gaji dan juga tiada kenaikan pangkat.

Pekerja II : Saya dapat tahu, dalam Kesatuan Sekerja ABX ada tiga kekosongan jawatan sebagai pegawai kesatuan. Cubalah awak mohon. Manalah tahu kalau rezeki awak.

Pekerja I : Ya ke? Kalau macam tu, saya nak mohonlah nanti.

Dialog 1

Dialog di atas berkaitan tentang

- A perlindungan hak.
- B peluang menjadi pemimpin.
- C tidak puas hati dengan pihak pengurusan.
- D pekerja adalah sumber terpenting organisasi.

10. Pihak Jabatan Perhubungan Perindustrian Malaysia akan membuat perbincangan dengan semua kesatuan sekerja pekerja di Malaysia. Tujuan perbincangan ini adalah untuk memperkasakan peranan kesatuan sekerja dalam melindungi hak pekerja. Kenal pasti manakah antara berikut merupakan kesatuan sekerja pekerja yang akan turut serta dalam perbincangan berkenaan?

- i. Persatuan Kakitangan Eksekutif Sistem Penerbangan Malaysia.
- ii. The Malayan Agricultural Producer's Association (MAPA).
- iii. Malaysian Commercial Banks Association (MCBA).
- iv. Kesatuan Pengurus-pengurus Aeon Big (M) Sdn. Bhd

- A i dan ii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i dan iv

11. Encik Amrie hendak memohon cuti bergaji penuh atas urusan kesatuan sekerja. Apakah syarat yang perlu dipatuhi oleh Encik Amrie bagi membolehkan beliau layak memohon cuti berkenaan?

- i. Encik Amrie perlu menjadi pegawai kesatuan sekerja.
- ii. Menjalankan tugas sebagai pekerja kesatuan sekerja.
- iii. Permohonan mestilah dihantar melalui e-mail.
- iv. Perlu dinyatakan tempoh bercuti.

- A i dan ii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i dan iv

12. PUTRAJAYA: Rang Undang-undang Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Pindaan) 2022 (RUU) dilihat boleh mewujudkan keadaan ketidakharmonian di tempat kerja. Difahamkan, RUU ini mencadangkan untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan membenarkan lebih daripada satu Kesatuan Sekerja untuk wujud bersama dalam pertubuhan, perdagangan, pekerjaan atau industri yang sama atau serupa.

Kepelbagaian kesatuan yang diperkenalkan kerajaan mengeneipkan keputusan Mahkamah Persekutuan pada tahun 2017 yang menyatakan kepelbagaian kesatuan sekerja berkenaan dengan pekerjaan sama bukanlah sesuatu yang baik (dari sudut) keharmonian industri

Sumber: <https://www.utusan.com.my>, 20 Mac 2023

Petikan 2

Apakah kesan negatif yang mungkin boleh berlaku sekiranya RUU (pindaan) diteruskan?

- i. Menghakis hak pekerja.
- ii. Suara ahli kesatuan akan menjadi lemah.
- iii. Menghakis kepercayaan pekerja kepada majikan.
- iv. Mengurangkan persaingan antara kesatuan sekerja.

- A i dan ii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i dan iv

13. Berapa ramai anggota kesatuan sekerja yang perlu menandatangani Borang B?

- A 5
B 6
C 7
D 8

14. Berikut merupakan senarai semak dokumen yang perlu dilampirkan sewaktu proses pendaftaran kesatuan sekerja. Manakah antara senarai berikut **tidak** termasuk dalam dokumen yang diperlukan sewaktu proses pendaftaran kesatuan sekerja?

SENARAI SEMAK

(Pastikan dokumen-dokumen berikut dikemukakan)

- | | | |
|---|--|--------------------------|
| A | Borang B - 4 salinan | <input type="checkbox"/> |
| B | Borang Praecipe bersetem hasil RM30.00 | <input type="checkbox"/> |
| C | Buku Peraturan Kesatuan Sekerja (bercetak) | <input type="checkbox"/> |
| D | Tandatangan oleh tujuh orang pegawai kesatuan dalam minit mesyuarat penubuhan. | <input type="checkbox"/> |

15. Faizul merupakan seorang ahli kesatuan sekerja. Pada bulan April, umur Faizul genap 21 tahun. Sebagai seorang ahli kesatuan sekerja yang telah mencapai umur 21 tahun, apakah perkara-perkara yang boleh dilakukan oleh Faizul seperti mana yang dibenarkan oleh Akta Perhubungan Perusahaan 1967?


- i. Melaksanakan pertikaian perusahaan.
- ii. Layak dipilih sebagai anggota eksekutif kesatuan.
- iii. Boleh memasuki mana-mana kesatuan mengikut jenis pertubuhan.
- iv. Berhak mengundi dalam proses yang tidak melibatkan keputusan kesatuan.

- A i dan ii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i dan iv

16. Pilih padanan yang betul.

	Jawatan	Syarat kelayakan
A	Pegawai Kesatuan Sekerja	Bekas parti politik Angkasa.
B	Pegawai Kesatuan Sekerja	Warganegara berumur 22 tahun.
C	Pekerja Kesatuan Sekerja	Pernah diisytihar bankrap.
D	Pekerja Kesatuan Sekerja	Bekas banduan yang dipenjarakan atas sebab pecah amanah.

17. Carta menunjukkan sebahagian proses tuntutan pengiktirafan kesatuan sekerja.



Carta 1

Berdasarkan carta 1, apakah peranan Y.B Menteri?

- A Menerima dan membuat laporan tentang keputusan undi sulit.
- B Menentukan kelayakan kesatuan mengikut Seksyen 8 (2), Akta Perhubungan Perusahaan 1967.
- C Y. B Menteri akan membuat keputusan di bawah Seksyen 9 (5), Akta Perhubungan Perusahaan 1967.
- D Memberikan pengiktirafan kepada kesatuan sekerja di bawah Seksyen 10 (6), Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

18. Manakah antara berikut merupakan syarat-syarat untuk mengadakan rundingan bersama?


- A Pelawaan hendaklah dilakukan secara verbal dahulu.
- B Kesatuan sekerja mestilah telah mendapat pengiktirafan daripada pihak majikan.
- C Rundingan mestilah dimulakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh menerima pelawaan.
- D Kesatuan sekerja perlu membuat pelawaan terlebih dahulu untuk mengadakan rundingan kolektif.

19. Sebelum perundingan kolektif diadakan, Syarikat HJY dan juga Kesatuan Sekerja HJY akan memilih wakil sebagai perunding dalam perundingan berkenaan. Berdasarkan pengetahuan anda, apakah ciri-ciri yang perlu ada untuk menjadi seorang perunding yang baik?

- i. Perunding yang tabah adalah perunding yang berbudi bahasa.
- ii. Perunding yang optimistik adalah sentiasa bersikap tolak ansur.
- iii. Perunding yang bijak akan sentiasa memberi cadangan alternatif.
- iv. Perunding yang baik akan sentiasa fokus terhadap objektif perundingan.

- A i dan ii
- B ii dan iii
- C iii dan iv
- D i dan iv

20. Rajah di bawah menunjukkan proses dalam rundingan kolektif.



Rajah 1

Berdasarkan rajah 1, apakah yang diwakili oleh V?

- A Penyerahan rundingan kolektif kepada pihak majikan.
- B Syarat-syarat perjanjian kolektif dipersetujui tanpa sebarang masalah.
- C Cadangan-cadangan kepada perjanjian kolektif akan disertakan sewaktu pelawaan.
- D Pihak majikan perlu memberi maklum balas pelawaan daripada pihak kesatuan sekerja pekerja atau kesatuan sekerja majikan.

21. Manakah antara berikut merupakan perbezaan antara persediaan yang dilakukan kesatuan sekerja dengan pihak majikan sebelum rundingan kolektif dilaksanakan?

	Pihak majikan	Pihak kesatuan
i	Mengkaji semua perjanjian yang sedia ada.	Mengkaji implikasi kos setiap tuntutan yang mungkin dikemukakan.
ii	Mendapatkan maklumat berkenaan sikap pekerja.	Menyediakan senarai isu-isu yang hendak dirundingkan.
iii	Mengutip dan menganalisis maklumat berkaitan seperti data pampasan dan pengagihan tenaga manusia.	Menentukan kehendak ahlinya dan mengumpulkan semua data tentang kedudukan kewangan dan keadaan ekonomi negara.
iv	Akan memilih pasukan yang menjadi wakil di meja perundingan.	Merangka rancangan-rancangan luar jangka.

- A i dan ii

- B ii dan iii
- C iii dan iv
- D i dan iv

22. Mengapakah Menteri Sumber Manusia melantik Jawatankuasa Penyiasatan dan Lembaga Siasatan?

- A Mengkaji isu-isu dalam pertikaian.
- B Pihak ketiga yang berkecuali berfungsi sebagai pencarian fakta (fact finding).
- C Tujuan pembentangan laporan pertikaian kepada Dewan Rakyat.
- D Untuk membuat siasatan tentang sebab dan punca terjadinya sesuatu pertikaian.

23. Manakah antara berikut, tergolong dalam definisi mogok?

- i. Cuti kecemasan.
- ii. Melambatkan kerja.
- iii. Cuti secara beramai-ramai.
- iv. Bekerja mengikut peraturan.

- A i dan ii
- B i dan iii
- C ii dan iv
- D iii dan iv

24. Kesatuan Sekerja Segunung telah mengadakan undi sulit pada 17 April 2023. Kesatuan sekerja perlu menghantar keputusan undi sulit kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja selewat-lewatnya pada

- A 30 April 2023
- B 2 Mei 2023
- C 3 Mei 2023
- D 4 Mei 2023

25. Mengapakah pegawai kesatuan sekerja dibenarkan hadir ketika berlakunya piket?

- i. Bertujuan untuk mengekalkan keamanan.
- ii. Memastikan pekerja mematuhi peraturan berpiket.
- iii. Memastikan piket yang dilakukan bukan piket haram.
- iv. Bagi memastikan maklumat yang berkenaan terma dan syarat perkhidmatan sampai kepada pekerja.

- A i dan ii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i dan iv

26.

Seksyen 30 (3), Akta Perhubungan Perusahaan 1967 menyatakan bahawa mahkamah wajib memberikan keputusan mahkamah (court award) dalam tempoh 30 hari setelah dirujuk kepadanya oleh menteri.

Pernyataan 4

Berdasarkan pernyataan 4, apakah kuasa yang dimiliki oleh pihak menteri?

- A Menutup kes sekiranya perlu.
B Menyelesaikan kes terlebih dahulu sekiranya perlu.
C Menghentikan kes itu terlebih dahulu sekiranya perlu.
D Menangguhkan kes itu terlebih dahulu sekiranya perlu.

27. Maklumat berikut adalah perbandingan antara pertikaian yang melibatkan sekat masuk (lock-out) dan piket. Pilih pasangan yang betul.

	Sekat masuk (lock-out)	Piket
A	Penggantungan kerja.	Mendapatkan atau menyampaikan maklumat.
B	Dilakukan secara individu.	Dilakukan dalam premis majikan.
C	Dilaksanakan dengan aman.	Dilakukan secara tenteram.
D	Tindak balas majikan kepada pekerja.	Pekerja menerima syarat dan peraturan berkaitan pekerjaan.

28. Syarikat Tart Sdn. Bhd. berniat untuk membuat penstrukturan semula. Pengurus syarikat juga berniat untuk menamatkan perkhidmatan pekerja atas alasan lebih pekerja. Apakah jenis penamatan yang sesuai dengan situasi Syarikat Tart Sdn. Bhd.?

- A *Layoff.*
- B *Redundancies.*
- C *Retrenchment.*
- D *LIFO (last in, first out).*

29. Syarikat Maju dalam proses mengurangkan pekerja. Walau bagaimanapun, Syarikat Maju perlu mematuhi Artikel 20 Kod Amalan Keharmonian Perusahaan 1975 sebelum mengambil langkah pemberhentian. Manakah antara berikut merupakan langkah-langkah yang dicadangkan untuk mengelakkan pemberhentian pekerja?

- i. Mengenal pasti kerja-kerja alternatif dan pertukaran ke bahagian lain dalam syarikat yang sama.
- ii. Mengadakan latihan semula program kepada pekerja.
- iii. Penutupan jabatan dalam syarikat.
- iv. Mengurangkan pengeluaran.

- A i dan ii
- B ii dan iii
- C iii dan iv
- D i dan iv

30. Syarikat Bawang akan melaksanakan pengenehan kepada pekerjanya. Namun begitu, Jabatan Sumber Manusia Syarikat Bawang perlu menitik beratkan beberapa perkara sebagai persediaan awal sebelum pengenehan dilaksanakan. Manakah antara berikut **tidak** termasuk dalam persediaan Jabatan Sumber Manusia semasa pra-pengenehan dilakukan?

- A Menyediakan pakej pampasan.
- B Melaksanakan perjumpaan bersama pekerja yang dipilih.
- C Mengeluarkan surat pengenehan pekerjaan kepada pekerja.
- D Membantu pekerja dalam memberikan kaunseling pekerjaan.

[60 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada buku jawapan.

SOALAN 1

a. Terangkan faktor ekonomi dan perlindungan hak.

(10 markah)

b. Puan Saloma telah memilih untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Perbincangan bagi mengelakkan pekerja di syarikatnya menyertai kesatuan sekerja. Bagaimanakah jawatankuasa ini boleh membantu Puan Saloma bagi tujuan berkenaan?

(10 markah)

SOALAN 2

a. Kesatuan Sekerja Tulip baru sahaja mendapat pengiktirafan daripada pihak majikan pada Jan 2023. Namun begitu, selepas Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan Malaysia membuat siasatan, didapati Kesatuan Sekerja Tulip perlu dibubarkan. Apakah yang menyebabkan kesatuan berkenaan perlu dibubarkan?

(9 markah)

b. Bagi mendapatkan dana, Kesatuan Sekerja Ceria telah mengenakan yuran dengan melaksanakan pemotongan gaji kepada ahli-ahlinya. Bolehkah Kesatuan Sekerja Ceria mengenakan yuran dengan melakukan pemotongan gaji kepada ahlinya dengan tujuan-tujuan tertentu?

(11 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

